

Persatuan Penjaja & Peniaga Yang Bekerjasama Dengan Kementerian Wilayah Persekutuan:

1. Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2. Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3. Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Kawasan Chow Kit
4. Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur Cawangan Jalan Petaling
5. Persatuan Penjaja dan Pекдаи Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
6. Persatuan Peniaga Kecil India Kuala Lumpur/Petaling Jaya
7. Persatuan Penjaja Kecil Jalan Masjid India
8. Persatuan Peniaga Kecil IMalaysia Wilayah Persekutuan Labuan
9. Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya
10. Persatuan Usahawan Food Truck Kuala Lumpur
11. Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia
12. Persatuan Pedagang Dan Pengusaha Melayu Malaysia
13. Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia

Rakan Pembekal KWP Semasa:



019-2289377 (Mr. Leonard)
leonard.polyseed@gmail.com

AURA PERSEPSI SDN. BHD.



010-6355000 (Dato' Asgar)
habibasgar@yahoo.com



013-3719686 (Tn Syed)
cheechin@lumin.com.my



016-2262683 (Dr. Aishah)
globalgreen@gmail.com



012-2039138 (Mr. Jerry Aw)
jerry@hybridgreen.asia



013-3977198 (Dr. Desa)
mdesa@itfnet.org



017-7770249 (Mr. Dick)
dicklim@foodabox.com



012-5380224 (Ms. Isabelle)
isabellenah@gmail.com



012-2089209 (Ms. Hedy Yong)
hedy@tycoplas.com

7 Teras Pelan Tindakan Inisiatif Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan (PTITHWP)



Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan, Pembangunan dan Pelaksanaan Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan (JPPPTHWP) sejak April 2013 yang berperanan dalam mengurus dan menyelaraskan projek-projek pembangunan teknologi hijau yang dilaksanakan oleh Agensi KWP selain berfungsi memastikan dasar, komitmen, pelan tindakan, kajian dan garis panduan berkaitan pembangunan teknologi hijau dapat dilaksanakan dengan jayanya di Wilayah Persekutuan.

Pelan Tindakan Inisiatif Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan (PTITHWP) telah disediakan oleh JPPPTHWP. Pelaksanaan Penggunaan Produk Biodegradasi ini adalah salah satu inisiatif pembangunan teknologi hijau di bawah PTITHWP iaitu:

- Teras Pelaksanaan 7: Pengurusan Sisa Pepejal.

Inisiatif oleh:



Dengan kerjasama:



Informasi Penggunaan Produk Bio^{leaf}degradasi di Wilayah Persekutuan

Matlamat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

3 Jun 2016 — Pelancaran pewajiban pemakaian produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan (WP) mengikut 4 fasa/ lokasi/ kategori produk. Mulai tahun 2017, pelaksanaan penggunaan 100% produk biodegradasi adalah di seluruh WP dengan siapnya Undang-Undang Kecil Pelesenan Wilayah. Semua jenis produk biodegradasi yang diwajibkan termasuklah:

- ◆ Semua jenis bekas/ bungkusan makanan, pinggan, mangkuk, sudu dan garpu;
- ◆ Semua jenis bungkusan minuman, cawan, gelas, penutup, penyedut minuman, pemegang gelas dan dulang; dan
- ◆ Semua jenis beg plastik.

Tujuan Inisiatif Penggunaan Produk Biodegradasi ini adalah untuk:

- ◆ Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai ancaman plastik dan polistirena terhadap kesihatan masyarakat, alam sekitar dan kehidupan liar;
- ◆ Mengurangkan pencemaran alam sekitar melalui pengurangan penggunaan bahan plastik dan polistirena di Wilayah Persekutuan;
- ◆ Mengurangkan kos pelupusan sisa pepejal plastik; dan
- ◆ Menggalakkan pembangunan industri pengeluaran plastik biodegradasi di Wilayah Persekutuan dan mewujudkan peluang pekerjaan dan industri baru.

Apakah itu Produk Biodegradasi?


Mudah kompos, sumber bahan *recycle*, sumber tumbuhan, teknologi hijau.

Jenis Penggunaan Produk Biodegradasi di Wilayah Persekutuan

Semua Jenis Produk Plastik Biodegradasi (Biodegradable Plastic)



Semua Jenis Produk Berasaskan Tumbuhan (Plant-Based)



Tempoh biodegradasi adalah boleh dilaraskan dan bergantung kepada haba, kelembapan, dan aktiviti organisma dalam tanah. Tempoh maksimum adalah sekitar 5 tahun.

Fasa-Fasa Pelaksanaan Produk Biodegradasi:

Fasa 1

di
Pasar Raja Bot,
Kampong Bharu, KL



Pelaksanaan ▶ Jun 2016
(Pelancaran pada 3 Jun 2016) (> 276 buah gerai)

* mewajibkan penggunaan beg plastik biodegradasi sahaja.

Fasa 2

Pasar Malam
Restoran

di
Kampong Bharu,
Bukit Bintang,
Brickfields,
Putrajaya &
Labuan

Food Truck

di
WP Kuala Lumpur,
Putrajaya & Labuan

Pelaksanaan ▶ Ogos 2016



* mewajibkan penggunaan bekas makanan, cawan dan beg plastik biodegradasi.

Fasa 3

Kompleks
Membeli-belah
Hypermarket

di
WP Kuala Lumpur,
Putrajaya &
Labuan

Pusat Penjaja

Pelaksanaan ▶ Oktober 2016



* mewajibkan penggunaan bekas makanan, cawan dan beg plastik biodegradasi.

Fasa 4

di
Seluruh WP
Kuala Lumpur,
Putrajaya &
Labuan



Pelaksanaan ▶ Januari/Februari 2017

Semua jenis produk biodegradasi yang diwajibkan termasuklah:
* Semua jenis bekas/ bungkusan makanan, pinggan, mangkuk, sudu dan garpu.
* Semua jenis bungkusan minuman, cawan, gelas, penutup, penyedut minuman, pemegang gelas dan dulang.
* Semua jenis beg plastik biodegradasi.

Kebaikan Produk Biodegradasi

Produk biodegradasi boleh dipakai semula (*Reusable*) dan terdapat juga produk biodegradasi yang boleh dikitar semula (*Recyclable*). Semua produk biodegradasi adalah tidak bertoksik. Selamat digunakan sebagai bekas makanan. Mempunyai fungsi dan prestasi yang tinggi sebelum degradasi. Boleh didapati pada harga yang berpatutan. Sisa terurai produk biodegradasi boleh menjadi sumber makanan kepada mikroorganisma. Penggunaan produk biodegradasi menggalakkan kitaran hidup positif dan mesra bumi dan mengurangkan tanah yang diperlukan sebagai tapak pelupusan.

Keburukan Plastik dan Polistirena

Ancaman Kesihatan Masyarakat, Alam Sekitar dan Kehidupan Liar

Plastik dan polistirena mendedahkan pengguna terhadap unsur-unsur kimia yang boleh mengundang maut. Kepanasan makanan atau minuman yang disimpan dalam bekas plastik atau polisterin hasilkan wap yang bertindakbalas dengan plastik untuk hasilkan bahan kimia yang memudaratkan kesihatan. Bekas plastik juga mengandungi bahan logam berbahaya seperti kadmium yang digunakan sebagai 'plastisizer' bagi meningkatkan kualiti bekas itu boleh mengundang bahaya lain seperti jangkitan kuman kerana bakteria boleh membiak berikutan bahan itu sukar dicuci bersih.

Polistirena mengandungi stirena, benzin, dan neurotoksin yang berbahaya kepada manusia. Stirena telah dikaitkan dengan peningkatan tahap kerosakan kromosom, fungsi pulmonari tidak normal dan kanser. Benzene adalah karsinogen yang diketahui dan memasuki tubuh manusia melalui kulit atau sistem pernafasan. Karsinogen bertindak ke atas DNA manusia, menyebabkan perubahan berbahaya pada tahap sel. Neurotoksin adalah bahan yang menghalang fungsi neuron di seluruh otak dan sistem saraf.

Kos Pengurusan Sisa Pepejal Plastik Biasa yang Tinggi

Jumlah penajaan sisa pepejal plastik adalah tinggi. 81% sisa plastik yang dijana dilupuskan tanpa dikitar semula. Kadar kitar semula plastik yang rendah. Di Malaysia pada tahun 2012 adalah 2.5% berbanding dengan 10.5% kadar kitar semula keseluruhan sisa pepejal. Tempoh masa lupus plastik adalah lama iaitu 100 hingga 500 tahun. Ruang pelupusan sisa pepejal yang besar. Kos pengurusan sisa pepejal adalah tinggi kepada Kerajaan. Yuran *tipping* RM40juta setahun untuk WP.